

SIARAN MEDIA

MAJLIS MENANDATANGANI SIJIL KOLABORASI STRATEGIK POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN BERSAMA INDUSTRI 2023

ARAU, 10 Mac 2023 - Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) telah mengadakan Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik bersama Industri 2023 disini, hari ini. Majlis disempurnakan oleh YBrs. Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Sebanyak lapan (8) Sijil Kolaborasi Strategik telah ditandatangani oleh YBrs. Encik Abdul Malek bin Hassan, Pengarah PTSS bertempat di Dewan Bakuet, *Pauh Inn Educational and Training Centre*, disini. Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Hj Muhadzir Mohd Isa, Pengerusi Ahli Lembaga Penasihat Industri, PTSS serta wakil-wakil industri yang terlibat antaranya ialah Mr. Masatoshi Tachikawa, *Managing Director, Tokyo Athletic Club Co., Ltd. (TAC)*, YBhg. Dato' Sri Subahan Kamal, Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (KHM), YBhg. Dato' Mohd Fakhrudin Md Noor, Presiden Pertubuhan Penggerak Ekonomi Digital Kebangsaan (NEDMA), Tuan Haji Mohd Nazim bin Haji Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Encik Anuar bin Abidin, Pengarah Majlis Sukan Negeri Perlis (MSNP), Tc. Sharif Zulkepele bin Sharif Harun, Pengarah Urusan Infra Minda Global Sdn. Bhd., Puan Sharifah Azlinda Syed Md Zaki *Complex Assistant Director of Human Resources, The St. Regis Langkawi (Integrated Nautical Resort Sdn Bhd)* serta Encik Azhar bin Mohammad *General Manager (GM) Seri Pacific Hotel*.

Majlis yang dianjurkan oleh *Corporate, Industrial Services & Employability Centre (CISEC)* PTSS bertujuan membantu politeknik khususnya PTSS memelihara hubungan baik antara masyarakat, badan-badan perniagaan, industri, pertubuhan profesional dan pusat pengajian tinggi dengan membawa perhatian mereka mengenai

kursus-kursus dan kualiti graduan politeknik. Disamping itu, politeknik dan kolej komuniti (POLYCC) juga telah menjalankan kolaborasi melebihi 15,000 buah industri.

POLYCC yang merupakan sebuah institusi pendidikan tinggi berteraskan TVET dan bernaung di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mempunyai sebanyak 36 buah politeknik dan 105 buah kolej komuniti di seluruh negara dengan jumlah keseluruhan pelajar seramai 98,045 berstatus aktif atau sedang mengikuti pengajian. POLYCC turut menjadi penyumbang terbesar kepada tenaga kerja teknikal di Malaysia dengan mencatatkan sebanyak 40 peratus.

Pada tahun 2022, POLYCC turut mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan yang cemerlang dengan politeknik mencatatkan sebanyak 95.32 peratus, manakala bagi kolej komuniti pula adalah sebanyak 96.66 peratus. Peratusan-peratusan yang dicatatkan menunjukkan bahawa pihak industri meletakkan kepercayaan kepada kecekapan pelajar dan kurikulum POLYCC adalah selaras dengan keperluan industri. Ia turut dipertingkatkan dengan rangkaian agresif dengan industri untuk memastikan pengetahuan dan kemahiran yang didedahkan kepada pelajar sentiasa relevan dan dikemas kini.

Selain itu, POLYCC juga telah melatih seramai 40,380 pelajar bagi menceburi bidang keusahawanan di sepanjang tempoh pengajian mereka. Usaha ini membuahkan hasil yang membanggakan apabila lebih 7000 orang pelajar tersebut telah bergelar usahawan yang berjaya.

-TAMAT-

**POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
10 MAC 2023**